



**P.U. (A) 23/2012 & PERENGKAN 9 JADUAL 7A
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

THRFSB

&

**KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
MOF.PKCP.700-7/1/1541-1543**



PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN



PUAN FAJRUL SHIHAR BINTI ABU SAMAH



15 NOVEMBER 2024

Pembayar Cukai telah dibenarkan untuk menuntut Elaun Pelaburan Semula (EPS) ke atas aktiviti pemprosesan getah mulai Tahun Taksiran (TT) 2000. Mulai tahun 2009, Jadual

7A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) telah dipinda dengan memasukkan definisi “pengilangan” dalam Perenggan 9 dan memotong perkataan “pemprosesan” di Perenggan 8 Jadual yang sama. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) berpendirian bahawa kesan daripada pengenalan takrifan “pengilangan” di Perenggan 9 Jadual 7A tersebut menyebabkan Pembayar Cukai tidak lagi layak untuk menuntut EPS bagi aktiviti pemprosesan getah mulai TT 2009 kerana pengenalan takrifan “pengilangan” turut disertai dengan pengenalan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penetapan Aktiviti Yang Dikecualikan Daripada Takrifan “Pengilangan”) 2012 – P.U. (A) 23/2012 yang telah menyenaraikan “pembersihan, pemprosesan, pembungkusan atau penyejukbekuan barang keluaran, atau mana-mana kombinasinya” sebagai aktiviti yang dikecualikan daripada takrifan “pengilangan”. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada Perenggan 2 Jadual 7A ACP 1967, hak sedia ada Pembayar Cukai untuk terus menuntut EPS selama tempoh 15 tahun adalah tidak terjejas sehingga TT 2014. Pembayar Cukai kemudiannya telah menuntut EPS bagi TT 2016, 2017 dan 2018 berdasarkan kepada tempoh lanjutan yang diberikan di bawah Perenggan 2B Jadual 7A ACP 1967. KPHDN tidak membenarkan tuntutan tersebut dan telah mengeluarkan Notis Taksiran Tambahan bagi TT 2016, 2017 dan 2018.

Pembayar Cukai berhujah bahawa memandangkan Pembayar Cukai telah dibenarkan menuntut EPS mulai TT 2000, iaitu sebelum takrifan “pengilangan” diperkenalkan pada tahun 2009, dan oleh itu, hak sedia ada Pembayar Cukai untuk menuntut EPS tidak terjejas. Perenggan 2B Jadual 7A ACP 1967 jelas menyatakan syarikat yang telah layak menuntut EPS selama 15 tahun dan apabila tempoh tersebut berakhir, syarikat tersebut masih layak menuntut EPS tambahan bagi TT 2016-2018. Perenggan 2B Jadual yang sama tidak menghadkan tuntutan lanjutan EPS setelah berakhirnya tempoh 15 tahun kepada aktiviti yang memenuhi takrifan “pengilangan”. Bahkan, sekiranya Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) berpandangan hanya syarikat memenuhi takrifan “pengilangan” yang diperkenalkan pada tahun 2009 sahaja yang layak menuntut EPS tambahan di mana Pembayar Cukai berhujah bahawa aktiviti perniagaan Pembayar Cukai adalah memenuhi maksud “pengilangan” di bawah Jadual 7A ACP 1967.

KPHDN berhujah bahawa, Pembayar Cukai tidak layak menuntut EPS setelah berakhirnya tempoh 15 tahun kerana Perenggan 2B Jadual 7A ACP 1967 hanya diperkenalkan pada tahun 2015, iaitu selepas pindaan Perenggan 9 Jadual yang sama pada tahun 2009. Perbelanjaan modal yang berlaku pada TT 2016-2018 iaitu setelah tamat tempoh 15 tahun adalah tertakluk kepada pindaan undang-undang terkini yang telah berkuat kuasa mulai TT 2009. Selain itu, produk yang dihasilkan oleh Pembayar Cukai, getah SMR merupakan produk dihasilkan melalui kombinasi aktiviti pembersihan, pemprosesan dan pembungkusan produk yang merupakan aktiviti dikecualikan daripada takrifan “pengilangan” berdasarkan kepada P.U. (A) 23/2012.

PKCP pada 15.11.2024 telah menolak rayuan Pembayar Cukai dan mengekalkan kesemua Notis Taksiran Tambahan bagi TT 2016, 2017 dan 2018 dan memutuskan bahawa Pembayar Cukai telah gagal untuk melepaskan beban pembuktian di bawah Perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967.

Nota Editor

Pembayar Cukai berhak untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.